

Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini

HASHIM MUSA, ROZITA CHE RODI & SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

Bahasa Melayu (BM) dalam sejarahnya merupakan bahasa antarabangsa yang luas digunakan di rantau Asia Tenggara dan pernah diangkat sebagai lingua franca bagi urusan perdagangan dan perhubungan antarabangsa di seluruh rantau ini. Statusnya yang berwibawa itu telah menarik masyarakat Nusantara menggunakannya sebagai bahasa utama dalam bidang kesusasteraan, persuratan dan pendidikan. Ini dibuktikan dengan penemuan hasil karya dalam BM seawal 1303M iaitu Batu Bersurat Terengganu dan 1380M syair berbahasa Melayu yang terukir pada sebuah batu bersurat di Aceh. Selain itu, Hukum Kanun Melaka serta Undang-undang Laut Melaka pula membuktikan BM juga menjadi bahasa perundangan utama di rantau ini seawal abad ke-15. Malah, ribuan manuskrip lama bertulisan Melayu-jawi yang berada dalam simpanan institusi dalam dan luar negara dapat menjelaskan kepentingan dan kedudukan utama BM sejak sekian lama di rantau ini. Makalah ini akan menghuraikan peranan sebenar BM dalam bidang persuratan dan pendidikan melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam BM iaitu bahasa rakyat jelata rantau ini. Amalan demikian mampu menggerakkan pencapaian kemajuan negara dan masyarakat rantau ini secara ekuitabel melebihi dan bahkan mengatasi penggunaan satu bahasa asing khususnya bahasa Inggeris (BI) yang penggunaannya tertumpu kepada kumpulan elit semata-mata. Malah, dengan meneliti isu tersebut, didapati bahawa BM yang merupakan bahasa indigenus atau bahasa tempatan penduduk rantau ini, adalah penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badai negatif globalisasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai tradisi yang murni. Ianya juga merupakan unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan atau esprit de corp, keakraban, kemesraan dan kasih sayang sesama penuturnya demi perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara bangsa dan pemeraksanaan masyarakatnya. Namun kini terdapat cabaran dan asakan BI ke atas kewibawaan BM, dan makalah ini akan membincangkan strategi dan langkah menangani isu ini demi memartabatkan kembali BM sebagai pemangkin kepada pembangunan ekuitabel negara bangsa di rantau ini.

Kata kunci: pembudayaan ilmu, persuratan Melayu, lingua franca, bahasa antarabangsa, perasaan kekitaan atau esprit de corp

ABSTRACT

The Malay language in its history was an international language widely used in the Southeast Asian region and became the lingua franca for trade and international relation in the whole region for several centuries. Its authoritative status has attracted the people of the region to use it as the language for literary expression and documentation and as the medium of instruction and education. This was proven by the findings of the earliest text in Malay as early as 1303 CE namely the legal edict of the Terengganu Inscription and the Malay verse of the 1380 CE Aceh inscription. The 15th Century Malacca Cannon of Law and the Malacca Maritime Law were also clear proofs of the usage of Malay as the main language for writing legal edicts apart from other literary genres. Moreover there are thousands of Malay manuscripts, texts and letters held in various libraries and archives in this region as well as in the west, clearly illustrating the importance of the usage of the Malay language in this part of the world for a long time. This article will discuss the prime role that can be played by the Malay language in the literary field of the region as well as the medium of education and enculturation of knowledge, science and technology to the general population at large. The use of Malay in such a manner will be able to spur a more equitable development among the nations and societies of the region, which cannot be achieved by the use of a foreign language specifically English as it will only be efficiently acquired by the urban elites. Moreover, Malay being the indigenus or local language of the people of the region, can function as a strong filter and shield in confronting and deflecting negative influences of globalisation that can weaken and destroy inherited traditional cultural traits and ethical values. The Malay language also can become the rallying point for inculcating strong national identity, unity, integration and esprit de corps amongst the citizens. However, with the current persistent onslaught the influence of the English language, the status of Malay especially in the field of education is gravely affected. This article will discuss various strategies and steps that can be taken to overcome the problems so as to spur nations and societies to achieve an equitable development and to perpetuate the authoritative status of Malay in the region.

Key words: enculturation of knowledge, Malay letters, lingua franca, international language, esprit de corp

BAHASA MELAYU (BM) SEBAGAI BAHASA DUNIA DAN BAHASA ANTARABANGSA DAN FAKTOR KEPERKASAANNYA


Tidak dapat dinafikan bahawa BM dalam sejarahnya telah menjadi bahasa antarabangsa yang luas digunakan di rantau Asia Tenggara, iaitu sejak zaman Empayar Srivijaya sekitar abad ke-7 M sehingga ke abad ke-19 M apabila BM menjadi *lingua franca* bagi seluruh wilayah ini dalam perdagangan dan perhubungan antarabangsa dan juga menjadi bahasa rasmi dan bahasa persuratan bagi pusat-pusat pemerintahan di seluruh rantau ini. Ini dibuktikan dengan penemuan hasil karya dalam bahasa Melayu seawal 1303 M iaitu Batu Bersurat Terengganu dan 1380 M syair berbahasa Melayu yang terukir pada sebuah batu bersurat di Aceh. Selain itu, Hukum Kanun Melaka serta Undang-undang Laut Melaka pula membuktikan bahasa Melayu juga menjadi bahasa perundangan utama di rantau ini seawal abad ke-15. Malah, ribuan manuskrip lama bertulisan Melayu-jawi yang berada dalam simpanan institusi dalam dan luar negara dapat menjelaskan kepentingan dan kedudukan utama bahasa Melayu sejak sekian lama di rantau ini.

Apabila orang-orang Barat sampai ke wilayah ini (Rajah 1), mereka mendapati bahawa bahasa perhubungan luas antara pelbagai suku kaum, etnik, dan pusat-pusat kerajaan sama ada dalam perhubungan perdagangan ataupun dokumen rasmi dan juga persuratan, ialah BM, sehingga wilayah ini secara keseluruhan terkenal sebagai Kepulauan Melayu atau *the Malay Archipelago*.

William Marsden (1754-1836) seorang pentadbir British dalam *East India Company* dan juga seorang orientalis, yang telah mengkaji BM dan menulis kamus dan tatabahasa BM, ketika sampai di wilayah ini pada bahagian kedua abad ke-18, iaitu pada 1771 dan kemudian menjelajahnya, mendapati bahawa:

“The Malayan language (BM) prevails throughout a very extensive portion of what is vaguely termed as the East Indies including the Malayan peninsula, together with the islands of Sumatra, Java, Borneo, Celebes and innumerable others, as far as to the eastward as the Moluccas, to the southward as the island of Timor, and to the northward as the Phillipines, formally collectively (called) the Malayan Arhipelago...The Malayan language (BM) is generally employed...as the medium of commercial and foreign intercourse, and every person of whatever nation, who frequents a port of trade must negotiate his business in this

tongue, either speaking himself or employing an interpreter. From hence it is that, by comparison with a similar prevalence of a dialect of Italian or Catalanian along the shores of the Mediterranean, it has commonly received the appellation of the lingua franca of the East.” (Marsden 1812: i).



Rajah 1. Alam Melayu

Suasana penggunaan BM sebagai *lingua franca of the East* berterusan berlaku sehinggalah permulaan abad ke-20 apabila kuasa penjajah Barat, iaitu British bagi Semenanjung Tanah Melayu dan utara Borneo, Belanda bagi kepulauan Sumatera, Jawa, Selatan Borneo, Sulawesi, Maluku, Madura, dan Bali, dan Sepanyol bagi Kepulauan Filipina, masing-masing telah memaksa penggunaan bahasa mereka sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan ke atas jajahan takluk mereka itu. Maka bermulalah kemerosotan status BM sebagai *lingua franca* dan sebagai bahasa rasmi kerajaan dan bahasa pengantar pendidikan. Bahasa penjajah, iaitu Inggeris di Malaya dan Borneo Utara, Belanda di Indonesia, dan Sepanyol di Filipina (kemudian bahasa Inggeris Amerika digunakan apabila Filipina dijajah oleh Amerika Syarikat pada 1898), telah mengambil alih peranan-peranan itu. Hanya apabila kemerdekaan dicapai oleh Indonesia (1945), dan Tanah Melayu (1957), maka bahasa Melayu (bahasa Indonesia) telah mula dikembalikan statusnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan *lingua franca* di wilayah ini. Namun Filipina yang mencapai kemerdekaan pada 1946 terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan pengantar pendidikan.

Pada zaman kini BM menjadi satu daripada lima bahasa terbesar dunia dari segi jumlah penutur (lebih daripada 250 juta), menjadi bahasa kebangsaan di empat buah negara (Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura), juga dituturkan oleh lebih satu juta penduduk di Thailand Selatan, dan dituturkan oleh

golongan minoriti kecil di Burma (Myanmar), Sri Lanka, Australia (termasuk Pulau Kokos), Holland dan England. BM juga menjadi bahasa pengantar pendidikan Islam di Kampuchea dan Vietnam (dengan kitab Jawi), bahasa kontak di Papua New Guinea dan menjadi emblem tradisional bagi keturunan Cape Malays di Afrika Selatan. BM juga diajar sebagai bahasa asing di universiti di lapan buah negara di Eropah, dua negara di Benua Amerika (Amerika Syarikat dan Kanada), dan di benua Asia diajar antaranya di Korea Selatan, Jepun, Republik Rakyat China, Thailand, Filipina, New Zealand, Kazakstan, dan Uzbekistan. Para sarjana yang mengkhusus dalam pengajian BM dan persuratan Melayu terdapat antara lainnya di Itali, Tanzania, Estonia, Israel, India, Republik Czech, Switzerland, Belanda, Jerman, Perancis, Rusia, Ireland, Finland, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan (lihat Collins 1996: xix).

PERLAKSANAAN BM SEBAGAI *LINGUA FRANCA* DI ASIA TENGGARA SELAMA LEBIH 1000 TAHUN (ABAD KE-7 HINGGA KE-19) DAN ANCAMAN BI TERKINI DALAM BENTUK NEO-IMPERIALISME TAMADUN BARAT

Kekuatan satu bahasa itu bergantung kepada kekuatan bangsanya. Keperkasaan bahasa Phoenesia/Sumeria, bahasa Yunani Purba, bahasa Parsi Purba, bahasa Sanskrit, bahasa Romawi/Latin dan lain-lain, didukung dan ditunjangi oleh kekuatan bangsa dan peradabannya. Begitu juga keperkasaan bahasa Inggeris, Sepanyol, Perancis, Belanda, Portugis dan Jerman daripada keluarga Indo-Eropah, ditunjangi oleh kekuatan bangsa-bangsanya yang merupakan penjajah-penjajah Eropah dengan kekuatan teknologi dan persenjataan mereka yang menjajah dan menjarah negara-negara yang lemah di Benua Amerika, Afrika dan Asia selama hampir 500 tahun bermula akhir abad ke-15 sehingga abad ke-20. Walau bagaimanapun, keperkasaan bahasa Arab kini di seluruh dunia Islam, bukan kerana kekuatan teknologi dan persenjataan bangsa Arab, tetapi sebaliknya di tunjangi oleh kekuatan rohaniah dan hati budi manusianya yang telah memeluk agama Islam dengan pertolongan kuasa Allah S.W.T.

Keperkasaan bahasa Melayu di seluruh rantau Asia Tenggara ditunjangi oleh empat faktor:

1. faktor Rumpun Melayu sebagai penduduk pesisir pantai yang menjadi pelaut dan pedagang maritim yang menubuhkan pusat-pusat

pemerintahan, merkantilisme dan pelabuhan entreport di Melaka, Patani, Aceh, Palembang, Johor-Riau, Brunei, Banjarmasin, Banten, Jayakarta (Sunda Kelapa), Manila, Cebu, Makassar, Ternate, Tidore, Ambon, Bacan, dan lain-lain dan kapal-kapalnya mengharungi Selat Melaka, Selat Sunda, Laut Jawa, Laut Sulawesi, Laut Sulu, Laut China Selatan, Laut Hindia, dll. (lihat Rajah 1).

2. faktor kedatangan peradaban Hindu-Buddha ke kawasan dunia Melayu, penubuhan pusat peradaban terutama sekali Srivijaya, dan penyebaran pengaruhnya ke rantau Asia Tenggara melalui perantaraan bahasa Melayu bercampur bahasa Sanskrit seperti yang termaktub dalam batu bersurat di Kota Kapur bertarikh 686 Masihi (lihat Hashim Hj. Musa 2006: 34-35, untuk transliterasi dan makna inskripsi batu bersurat ini).
3. faktor kedatangan peradaban Islam ke dunia Melayu dan penyebarannya dengan pengantar bahasa Melayu sama ada dalam bentuk lisan maupun dalam bentuk manuskrip dan kitab-kitab Jawi ke seluruh Asia Tenggara (lihat Hashim Hj. Musa 2009: 14, untuk nama 22 judul kitab kuning BM yang luas digunakan di seluruh Asia Tenggara).
4. faktor dalaman bahasa, iaitu BM yang agak sederhana daripada segi struktur tatabahasa (misalnya tiada ciri fleksi kala, gender dan jamak dalam perkataan) yang memudahkan penguasaan dan penggunaannya.

Namun kini di Malaysia, setelah 50 tahun merdeka dan setelah 25 tahun pelaksanaan sepenuhnya dasar BM sebagai bahasa pengantar pendidikan disemua peringkat pengajian (sejak 1987), kita dikejutkan dengan dua bahana atau malapetaka. Pertama, sejak tahun 1996 apabila Akta Pendidikan 1996 dan Akta IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta) 1996 diluluskan parlimen, membenarkan penggunaan bahasa Inggeris (BI) sebagai pengantar pendidikan dengan kelulusan Menteri Pendidikan/Pelajaran, maka tertubuhlah ratusan IPTS dengan jumlah pelajar yang melebihi tiga ratus ribu yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya.

Kedua ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains disemua sekolah di Malaysia bermula pada tahun 2003. Mata pelajaran Matematik dan Sains merupakan asas bagi semua kursus dalam bidang sains dan teknologi yang membawa implikasi bahawa semua pengajian dalam bidang sains dan teknologi di semua IPT termasuk

IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) berkemungkinan besar akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantarnya. Penggunaan bahasa Inggeris yang meningkat-ningkat di IPTA terutama sekali dalam kursus-kursus berasaskan sains dan teknologi dan penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya di IPTS akan mengakibatkan pembudayaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, iaitu bidang yang kritikal dalam pembentukan pembangunan negara dan tradisi ilmu dan peradaban, akan dilakukan dalam bahasa Inggeris bukan bahasa tempatan atau bahasa kebangsaan. Dengan demikian telah muncul kembali suasana dualisme pendidikan seperti yang berlaku pada zaman penjajahan, iaitu golongan elit yang menjadi ketua pentadbiran, pemimpin politik, ekonomi, undang-undang, media dan ilmu sains dan teknologi terdidik dalam bahasa Inggeris, manakala golongan rakyat marhain dan pekerja biasa dan bawahan yang merupakan majoriti penduduk, terdidik atau hanya mahir dalam BM. Ini akan menimbulkan implikasi dan kesan yang serius ke atas dasar bahasa dan sosioekonomi rakyat jelata negara Malaysia, iaitu:

1. Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya akan mengetepikan status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang terunggul dan tidak lagi dihormati rakyat jelata kerana kejatuhan nilainya, seperti yang diluahkan oleh Menteri YB Datuk Sri Dr Rais Yatim “beberapa dasar yang diwujudkan secara mengejut meletakkan bahasa Malaysia seolah-olah berada di tangga kambing tidak lagi di tahap perdana.” (*Utusan Malaysia* 2007: 27),
2. Proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan; ini memerosotkan lagi kedudukan dan status bahasa Malaysia dan menjadikannya bahasa yang rendah untuk komunikasi harian yang rendah tarafnya, manakala interaksi dalam wacana ilmiah dan ilmu pengetahuan yang tinggi, bahasa Inggeris akan digunakan yang menjadikannya bahasa terunggul di Malaysia secara *de facto* (penggunaan sebenarnya) mungkin tidak secara *de jure* (status undang-undang),
3. Bahasa Melayu yang sehingga kini telah menjadi bahasa kebangsaan negara yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia, sedikit demi sedikit akan kehilangan peranan itu kerana nilai, status dan penghormatan rakyat jelata terhadapnya akan menjadi semakin luntur dan seterusnya akan menghilang,
4. Penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas dan ekologi pendidikan yang lebih baik; maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya di kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sebaiknya, akan tertahan daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi dalam bahasa Inggeris, dengan itu sains dan teknologi tinggi tidak dapat mengalami proses pembudayaan yang meluas yang amat perlu untuk mencetuskan pembangunan menyeluruh sesebuah negara yang ditimba daripada Sumber Daya Tenaga Manusia seluruh rakyatnya,
5. Penguasaan bahasa Inggeris dan pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh segelintir penduduk yang dengan itu akan menjadikan mereka golongan elit, akan mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan menimbulkan jurang dan ketegangan sosial yang dahsyat, seperti yang pernah dinyatakan oleh Indian Education Commission 1948 iaitu:

“[the] use of English... divides the people into two nations, the few [English-speaking Indians] who govern and the many [non English-speaking Indians] who are governed.”

Empat puluh tahun kemudian (pada tahun 1980-an) situasi ini telah mencetuskan ketegangan kelas yang dahsyat “*stimulating tensions between the minority at the top who know English, and the many millions – armed with the vote – who do not*” (Huntington 1996: 64), situasi ini melahirkan dualisme pendidikan yang melahirkan pula dualisme sosial iaitu golongan elit berpendidikan Inggeris dan golongan rendah tidak berpendidikan Inggeris seperti dalam zaman penjajah,
6. Ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan di atas, akan menjadi pemangkin pula kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab dan ideologi, daerah dan wilayah, seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan di negara-negara

bekas jajahan Eropah di Afrika dan Amerika Selatan,

7. Penguasaan ilmu, sains dan teknologi yang tinggi, kemahiran dan kepakaran secara meluas dan merata di kalangan rakyat jelata, merupakan faktor utama dalam pembangunan Sumber Daya Tenaga Manusia sesebuah negara secara menyeluruh, yang menjadi faktor utama pula kepada pembangunan dan kemajuan negara itu secara ekuitabel iaitu ke semua lapisan rakyat jelata dan ke seluruh wilayahnya. Penyampaian dan pemahaman ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan kepakaran serta kemahiran dengan cara yang paling berkesan adalah dengan perantaraan bahasa kebangsaan/tempatan rakyat jelata itu sendiri kerana kemudahan pembelajaran dan pemahamannya, bukannya dalam sebuah bahasa asing. Inilah yang telah berlaku kepada negara-negara di Eropah dalam zaman revolusi industrialisasi mereka, dan juga di Asia pada Abad ke-20 seperti di Jepun, Korea, Cina Taiwan dan Republik Rakyat China, yang telah menggunakan bahasa kebangsaan/tempatan mereka sendiri untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada seluruh rakyat jelata mereka dan menjadikan majoriti rakyat jelata mereka daripada golongan kelas menengah. Golongan kelas menengah merupakan tulang belakang kepada pembanguna negara secara ekuitabel dan merata, kerana mereka merupakan golongan sumber daya tenaga yang terdidik dan mahir dan penggerak utama kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian tulang belakang bagi pembangunan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat sesebuah negara ialah bahasa kebangsaan/tempatannya bagi Malaysia, Indonesia dan Brunei ialah bahasa Melayu bukannya bahasa Inggeris. Apabila bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada segelintir golongan elit *Englophile* dan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat jelatanya tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara menyeluruh tidak akan tercapai,
8. Penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di nagara-negara membangun termasuklah Malaysia, akan selama-lamanya menjadikan negara-negara demikian mengalami sindrom

“mentaliti budak jajahan” (*colonised mentality*), dengan misi dan visi mereka senantiasa dikaitkan secara mahu atau tidak mahu, dengan misi dan visi “tuan penjajahnya” (*colonial master*), seperti yang berlaku di nagara-negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan dan Amerika Tengah yang menggunakan bahasa-bahasa bekas penjajah mereka (Inggeris, Sepanyol, Perancis atau Portugis) sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi. Mereka itu walaupun sudah merdeka dari segi politiknya, tetapi dari segi ekonomi, pendidikan, sains, teknologi, nilai dan aspirasi senantiasa memandang kepada London, Washington, Paris, Lisbon dan Madrid sebagai sumber ilham dan panduan. Ringkasnya, negara bangsa yang menggunakan bahasa asing sebagai pengantar pendidikan dan ilmu tinggi terutama sekali bahasa bekas penjajahnya, tidak mampu menjadi negara bangsa yang besar, bahkan sekadar meniru dan memimik secara palsu, lesu dan kaku negara tuan penjajahnya tanpa mempunyai jati diri, maruah, daya usaha, kreativiti dan citranya sendiri. Juga ciri-ciri peradaban Barat seperti ideologi, nilai, gaya hidup, seni dan rekreasi mereka akan ditebarkan secara global yang boleh menuju ke arah pembentukan satu peradaban sejagat atau universal.

Usaha yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi negara-negara membangun, pada hakikatnya sedang menganjur gagasan penyejagatan tamadun Barat yang berbahasa Inggeris sebagai sebuah tamadun universal iaitu dalam bentuk neo-imperialisme melalui bahasa dan budaya.

Mengikuti pengkaji-pengkaji dan ahli-ahli fikir semasa tentang peradaban manusia terutama sekali Huntington (1996: 318), bahawa gerakan dan gagasan ke arah penubuhan sebuah tamadun sejagat yang berasaskan sebuah tamadun yang terkuat (kini ialah Barat), merupakan satu gerakan yang amat berbahaya dan paling mencabar kepada kestabilan dan keselamatan dunia dalam alaf baru ini. S. Huntington menegaskan:

“Universalism abroad threatens the West and the world (h. 318)... [It] is dangerous to the world because it could lead to a major intercivilizational war between core states, and it is dangerous to the West because it could lead to defeat of the West (h. 311)... What is universalism to the West is imperialism to the rest (h. 184)”.

Mengikuti Huntington (1996: 63) lagi, gagasan demikian sebenarnya digerakkan secara definitif oleh para pemimpin dan golongan elit negara-negara bekas jajahan kuasa barat itu. Ketika negara-negara itu bergerak ke arah kemerdekaan dan seterusnya mencapainya, kempen dan gerakan penggunaan bahasa tempatan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara dan penolakan bahasa penjajah, merupakan satu strategi para pemimpin dan golongan elitnya membezakan diri mereka daripada golongan penjajah, supaya mendapat sokongan dan penerimaan rakyat jelata.

Namun sesudah mencapai kemerdekaan dan negara sedang membangun, maka para pemimpin dan golongan elit yang telah terpuak oleh bahasa dan peradaban Barat yang dianggap superior itu, perlu pula menonjolkan diri mereka sebagai golongan yang terdidik dan terpandai dengan mengidentifikasikan diri kepada unsur-unsur tamadun terkuat semasa (iaitu kini tamadun Barat). Ini dilakukan melalui kefasihan dan kecekapan menggunakan bahasa tamadun Barat yang utama iaitu kini bahasa Inggeris. Dengan usaha demikian mereka akan terus mendapat kedudukan dan sanjungan yang tinggi oleh rakyat jelata, kerana mereka mendakwa merekalah orang-orang yang paling mampu untuk membawa negara bangsa ke arah pembangunan dan kemajuan kerana mereka ada hubungan yang erat dengan sumber dan khazanah tamadun terbesar dan terkuat semasa, iaitu tamadun Barat pada masa kini.

Pemimpin-pemimpin dan golongan elit (sama ada dalam politik, birokrat mahupun ekonomi) akan menganjurkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi di IPT, supaya dapat melengkapkan para graduan untuk berperanan secara berkesan dalam persaingan global yang sengit bagi memperoleh modal dan pelanggan asing.

Sebenarnya gagasan superioriti atau keunggulan unsur peradaban barat terutama sekali BI disebarkan dan diperkukuh oleh propaganda yang terancang oleh birokrat politik dan media barat terutama sekali Amerika Syarikat dan England yang merupakan inti dan pendukung terkuat tamadun barat yang berbahasa Inggeris. Hasrat Amerika Syarikat untuk terus mendominasi dunia terkandung dalam madah-madah rasmi pemerintahan mereka seperti yang termaktub dalam ‘*Project for the New American Century*’, the Cheney-Wolfowitz-Rumsfeld doctrine¹ (D. Armstrong dalam *Harper’s Magazine* 305, 2002, dipetik oleh Harvey 2005a, 80, dan dalam ‘*Linguistic imperialism: a conspiracy, or a conspiracy of silence?*’ (Phillipson 2007: 377–383):

“The plan is for the United States to rule the world. The overt theme is Unilateralism, but it is ultimately a story of domination. It calls for the United States to maintain its overwhelming military superiority and prevent new rivals from rising up to challenge it on the world stage. It calls for dominion over friends and enemies alike. It says not that the United States must be more powerful, or most powerful, but that it must be absolutely powerful.”

“Language policy is essential to this mission, as formulated in an article ‘In praise of cultural imperialism’ in Foreign policy, by David Rothkopf, (Director of the Kissinger Institute, in 1997). It is in the economic and political interest of the United States to ensure that if the world is moving toward a common language, it be English; that if the world is moving toward common telecommunications, safety, and quality standards, they be American; and that if common values are being developed, they be values with which Americans are comfortable. These are not idle aspirations. English is linking the world.”

Agenda British Council pula sebagai autoriti terulung dalam penyebaran dan pengagungan BI di seluruh dunia dengan pejabatnya tersebar ke 116 negara, dibayangkan dengan jelas oleh laporan *The Chairman of the British Council’s Annual Report 1983-84*, iaitu:

“Our language is our greatest asset, greater than North Sea Oil, and the supply is inexhaustible; furthermore, while we do not have a monopoly, our particular brand remains highly sought after. I am glad to say that those who guide the fortunes of this country share my conviction in the need to invest in, and exploit to the full, this invisible, God-given asset.” (quoted in Phillipson 1992: 144-145).

James Collins (1999: 93) dengan memetik Robert Phillipson (1992: 281) telah memperturunkan carta berikut dalam usaha kuasa Barat mengagungkan BI dan meremehkan bahasa lain:

Bahasa Inggeris	Bahasa lain
Bahasa dunia	Bahasa setempat (lokal)
Bahasa antarabangsa	Bahasa kebangsaan (sebuah negara sahaja/lokal)
Bahasa komunikasi luas	Bahasa komunikasi sempit
Bahasa musadiah (tunjang yang kuat)	Bahasa tidak menjang (tidak kuat)
Bahasa tambahan	Bahasa tak lengkap
Bahasa penghubung	Bahasa pembatas
Bahasa dunia (terbuka)	Bahasa tertutup
Bahasa neutral	Bahasa berat sebelah

Daripada perbandingan secara binari di atas jelas ternampak bahawa segala ciri yang ada pada BI semuanya positif belaka manakala yang ada pada bahasa lain termasuklah BM semuanya seolah-olah

negatif belaka. Inilah bentuk neo-imperialisme BI yang amat jelas untuk mengagungkan BI dan meremehkan bahasa tempatan. Sedangkan pada hakikat sebenarnya bahasa kebangsaan sesuatu negara bangsa merupakan asas jati diri, maruah, pemupuk perasaan kekitaan atau *esprit de corp* yang kukuh, semangat perpaduan dan solidariti negara bangsa, dan faktor pembangunan sumber daya tenaga rakyat jelata secara meluas yang menjadi asas pembangunan dan kemajuan sesebuah negara, seperti yang dibuktikan oleh bahasa Jepun, Korea dan China di negara-negara Timur dan bahasa Jerman, Perancis, Belanda, Sepanyol, Portugis, Itali, Rusia dan lain-lain di Eropah.

Satu lagi bentuk kekangan atau kepungan terhadap BM daripada menjadi bahasa dunia yang disebut oleh Prof. James Collins ialah nasionalisme pembelaan BM yang terlalu sempit, tidak mahu meneroka ke lapangan dan media baharu misalnya video games, nyayian rap dan media yang lain dalam BM. Collins menyebut satu bentuk kepungan lagi, iaitu:

“Sering juga penutur BM tidak mengenal sesama sekutunya kerana terlalu asyik menuduh dan menuntut sesama sendiri (contohnya): “(Variasi) bahasa ini tidak benar, (variasi) bahasa itu banyak campuran bahasa lain, (variasi) bahasa kita yang merdu, (variasi) bahasa itu kampungan.” Semua penutur BM tidak perlu bersaing dan bertanding. BM cukup besar untuk menampung segala varian Melayu dan menerima penutur yang berdwi-bahasa.” (Collins 1999: 98)

Collins juga menggesa kita semua supaya terus menerus berjuang menegakkan keunggulan status BM dan menolak pengaruh dan ancaman daripada BI:

“Kita harus berjuang menentang konsep bahasa Inggeris sebagai tangkal yang akan melindungi, bahkan memulihkan, kemajuan yang telah dicapai oleh masyarakat penutur Melayu. Kita harus berani menolak tahyul yang terlalu percaya kepada citra berbahasa Inggeris yang diciptakan oleh birokrat kolonial dahulu kala. Kita harus yakin pada diri sendiri dan menempuh jalan kita, terlepas daripada segala mantera dan azimat.” (Collins 1999: 94)

KEDUDUKAN BAHASA MELAYU KINI SEBAGAI SEBUAH BAHASA DUNIA DAN KEKANGAN KE ATASNYA

Para ahli kajian bahasa menggariskan beberapa kriteria utama yang perlu dipenuhi oleh sebarang

bahasa untuk mengangkatnya sebagai bahasa dunia, iaitu seperti berikut (lihat de Meija 2002):

1. jumlah penutur yang besar
2. jumlah penutur bukan ibunda yang agak besar
3. ada satu bentuk baku laras rasmi yang diajar secara meluas sebagai bahasa pertama dan bahasa asing
4. masyarakat bahasanya merentasi pelbagai etnik atau suku kaum
5. sebagai bahasa rasmi beberapa buah negara
6. sebagai bahasa perdagangan dan hubungan antarabangsa
7. sebagai bahasa organisasi antarabangsa
8. sebagai bahasa masyarakat akademik antarabangsa
9. ada sejumlah khazanah persuratan yang agak besar dalam pelbagai bidang ilmu
10. dikaitkan dengan kedudukan bahasa yang berprestij

Dengan berdasarkan 10 kriteria di atas, maka para ahli bahasa telah menyenaraikan sembilan bahasa sebagai tergolong dalam kelas bahasa dunia, iaitu enam bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (China, Inggeris, Perancis, Rusia, Sepanyol dan Arab) dan tiga lagi, iaitu Jerman, Hindi/Urdu dan Portugis dengan jumlah penutur dan penyebarannya seperti berikut:

Jenis Bahasa	Penutur Ibunda	Jumlah Penutur	Penyebaran
China Mandarin	600 juta	1,051 juta	Tanah besar China & diaspora China seluruh dunia
English	350 juta	1,000 juta	Anglosfera & seluruh dunia
Hindustani (Hindi, Urdu)	460 juta	650 juta	Benua kecil India, diaspora Hindi, Urdu seluruh dunia
Sepanyol	322 juta	500 juta	Sepanyol, Argentina, Mexico, dll.
Arab	200 juta	300 juta	Timur Tengah & Afrika Utara
Rusia	165 juta	280 juta	Rusia, Eropah Timur, dll.
Portugis	190 juta	230 juta	Portugal, Brazil, Angola, dll.
Jerman	100 juta	150 juta	Eropah berbahasa Jerman
Perancis	65 juta	115 juta	Perancis, Utara Afrika, dll.

Jika diteliti 9 kriteria bahasa dunia di atas, maka bahasa Melayu sudah memperoleh beberapa cirinya, iaitu seperti dalam senarai berikut:

1. Jumlah penutur ibunda BM yang besar, iaitu sekitar 250 juta.
2. Jumlah penutur bukan ibunda BM yang agak besar termasuk etnik Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Minang, Batak, Banjar, Cina, India, dan lain-lain.
3. BM bahasa rasmi untuk empat buah negara: Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura.
4. BM ada laras rasmi yang baku yang diajar sebagai bahasa pertama dan bahasa asing.
5. Penutur BM tidak terhad kepada satu kumpulan etnik atau suku kaum.

6. BM digunakan sebagai bahasa perdagangan dan hubungan antarabangsa misalnya di negeri Thai, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina, walaupun fungsi ini semakin merosot diambil alih oleh Bahasa Inggeris (BI).
7. BM mempunyai khazanah persuratan yang agak besar dalam pelbagai bidang ilmu seperti yang ada di Malaysia dan Indonesia.

Namun tiga kriteria bahasa dunia lagi sehingga kini belum dapat dipenuhi oleh BM iaitu:

1. BM belum menjadi bahasa organisasi antarabangsa.
2. BM belum dikaitkan dengan bahasa yang berprestij di dunia.
3. BM belum menjadi bahasa masyarakat akademik antarabangsa yang digunakan dalam perhubungan antarabangsa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kegiatan, misalnya persidangan dan seminar antarabangsa. Yang ironisnya banyak persidangan dan seminar antarabangsa yang berkaitan dengan ehwal Malaysia dan diadakan di Malaysia bahasa pengantarnya bukan BM tetapi BI.

Ketiga-ketiga syarat ini berkaitan dengan kedudukan BM di arena antarabangsa dari segi kewibawaan dan statusnya pada mata masyarakat dunia. Kewibawaan dan status sesuatu bahasa ditunjangi pula oleh kewibawaan dan status masyarakat pengguna bahasa itu iaitu dari segi kedudukan sosioekonominya, khazanah ilmu pengetahuannya (termasuk pemenang hadiah antarabangsa misalnya Nobel Prize), kestabilan politik dan keutuhan budayanya, sumber penyelidikan dan pembangunannya terutama dalam bidang sains, teknologi, infrastruktur dan sebagainya.

Paul Kennedy (1993: 334-335) dalam bukunya yang termasyhur *Preparing for the Twenty-first Century* setelah membuat tinjauan ke atas negara-negara di dunia secara ekstensif, telah membuat kesimpulan tentang negara-negara yang berada dalam kedudukan yang terbaik untuk terus maju dan berstatus tinggi dalam abad ke-21, iaitu:

“Of those (countries) covered in this survey, the most likely at the moment (to be well-positioned in the twenty-first century) appear to be Japan, Korea, and certain other East Asia trading states, Germany, Switzerland, and some of the Scandinavian states, and perhaps the European Community as a whole. What they have in common, more or less, are 1) high saving rates, 2) impressive levels of investment

in new plants and equipment, 3) excellent educational systems (especially for those not going to college), 4) a skilled work force and good retraining systems, 5) a manufacturing culture with many more engineers than lawyers, 6) a commitment to producing well-designed, high-added-value manufactures for global market, 7) fairly consistent trade surpluses in “visible” goods..(and) 8) enjoy cultural homogeneity and ethnic coherence... It is obvious that the societies (or nations) which possess 1) technical and educational resources, 2) ample funds, and 3) cultural solidarity are better positioned for the next century than those lacking all those strength”.

Perbandingan negara maju dengan negara membangun dari segi jumlah ahli sains dan jurutera yang merupakan penggerak kepada pembangunan negara dapat dilihat dengan jelas daripada perangkaan yang diberikan oleh Paul Kennedy seperti berikut (Kennedy 1993: 216):

Jumlah Ahli Sains dan Jurutera Setiap Sejuta Penduduk	
Jepun	3,548
Amerika Syarikat	2,685
Eropah (keseluruhan)	1,632
Amerika Latin	206
Negara Arab	202
Asia (tolak Jepun)	99
Afrika	53

Tiga syarat umum yang disebutkan oleh Paul Kennedy untuk menyediakan wadah dan suasana yang membolehkan sesebuah negara melonjak ke status negara maju dan melestarikannya, sangat penting diteliti dengan mendalam, iaitu:

1. memiliki sumber-sumber teknikal dan pendidikan yang sesuai,
2. memiliki solidariti budaya yang kukuh,
3. memiliki biaya/tabungan yang mencukupi.

Pendidikan merupakan keperluan asasi bagi pembangunan sesebuah masyarakat atau negara, kerana melalui pendidikan dua perkara akan dibangunkan, iaitu:

1. **ilmu pengetahuan dan teknologi**, iaitu diperlukan untuk mengerti, mengetahui, mencipta, mengolah, memproses dan meneroka perkara, benda, maklumat, fakta, dan realiti yang baharu ataupun memahami dan mengerti kembali dengan mendalam dan jelas lagi perkara-perkara yang lama, yang dengan demikian akan membawa kepada pencapaian yang lebih tinggi dalam kehidupan manusia,
2. **kemahiran, kecekapan dan kemantapan daya tenaga manusia** yang membolehkan manusia menggunakan peralatan, sumber alam,

sumber manusia dan sumber budaya sebaik dan seoptimum yang mungkin, yang dengan itu dapat memanfaatkan sepenuhnya dan setepatnya pembangunan ilmu dan teknologi yang dicapai di atas. Kalau sumber daya tenaga manusia ini tidak dimantapkan maka segala kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi yang dicapai itu sama ada tidak dapat digunakan seoptimumnya ataupun disalahgunakan untuk membinasakan yang lain, seperti yang dilakukan oleh Hitler demi ideologi Nazisme telah mempergunakan senjata canggih pada masa itu untuk membinasakan jutaan nyawa dan harta benda dalam Peperangan Dunia Kedua.

Ilmu pengetahuan dan teknologi boleh diterokai, dicipta, ditimba dan dicapai dalam apa bahasa sekalipun di kalangan bangsa manusia. Dalam sejarah kemunculan ilmu pengetahuan, pelbagai penemuan dan penciptaan baharu telah dibuat oleh pelbagai peradaban manusia dengan menggunakan pelbagai bahasa, iaitu tidak terhad kepada bahasa Inggeris. Antaranya:

1. penciptaan alat astronomi pertama di Mesopotamia dalam bahasa Sumeria/Phonesia,
2. kaedah matematik, astronomi dan perubatan dicipta di Masir Purba dalam bahasa Mesir purba,
3. penemuan dalam ilmu-ilmu anatomi, zoologi, botani, mineralogi, geografi, matematik, dan astronomi oleh peradaban Yunani Purba dalam bahasa Yunani purba,
4. penemuan dalam matematik, astronomi, dan metalurgi di India dalam bahasa Sanskrit,
5. penciptaan kompas, ubat bedil, kertas dan percetakan di China dalam bahasa China,
6. pelbagai penemuan dalam astronomi, matematik, algebra, kimia, perubatan, optik, fizik, mekanik, dan sebagainya oleh ilmuwan Muslim dalam bahasa Arab,
7. pelbagai penemuan dan penciptaan baharu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan di Eropah dalam zaman Renaissance, pramoden dan moden Eropah dengan menggunakan bahasa-bahasa Eropah misalnya Latin, Sepanyol, Inggeris, Perancis, Itali, Jerman, Belanda, dan lain-lain.

Sekiranya ditinjau senarai pemenang Nobel Prize, iaitu anugerah terulung dunia dalam bidang-bidang sains, kesusasteraan, ekonomi dan keamanan, sejak 10 tahun yang lalu (1997-2007), maka kita

dapati pemenang-pemenangnya terdiri daripada pelbagai bangsa dan negara bukan terhad atau dimonopoli oleh tokoh-tokoh berbahasa Inggeris, khususnya dalam bidang fizik, kimia dan fisiologi, iaitu:

Tahun	Bidang	Pemenang	Negara/Bahasa
1997	Fizik	Claude C Tannoudji	Perancis
	Kimia	Jens Skon	Denmark
1998	Fizik	Horst Stormer	Jerman
	Fizik	Daniel Tsui	China
1999	Fizik	Gerardis 't Hooft	Belanda
	Fizik	Martinus Veltman	Belanda
	Kimia	Ahmad Zewail	Mesir (Arab)
2000	Fizik	Zhores Alferov	Rusia
	Fizik	Herbert Kroemer	Jerman
	Fisiologi	Arvid Carlsson	Sweden
2001	Fizik	Wolfgang Ketterle	Jerman
	Kimia	Ryoiji Noyori	Jepun
2002	Fizik	Masatoshi Koshiro	Jepun
	Kimia	Koichi Tanaka	Jepun
	Kimia	Kurt Wiethrich	Switzerland
2003	Fizik	Alexei Abrikosov	Rusia
	Fizik	Vitaly Ginzburg	Rusia
2005	Fizik	Theodor Hansch	Jerman
	Kimia	Yves Chauvin	Perancis
2007	Fizik	Albert Fert	Perancis
	Fizik	Peter Grunberg	Jerman
	Kimia	Gerhard Ertl	Jerman
	Fisiologi	Mario Capecchi	Itali


Ringkasnya penerokaan, penemuan dan penulisan ilmu pengetahuan dan segala penciptaan dan penemuan baharu telah dilakukan dalam pelbagai bahasa manusia, dan kita boleh menimba dan memperolehnya daripada pelbagai bahasa itu. Namun penyampaian, pengajaran, dan pembudayaan ilmu pengetahuan itu kepada anak bangsa dan rakyat jelata bagi setiap negara bangsa agar dapat difahami, dihayati dan digunakannya secara meluas dan praktikal dalam kehidupan mereka, telah dilakukan dalam bahasa indigenus/peribumi, bahasa tempatan atau bahasa kebangsaan negara bangsa itu sendiri. Suasana ini berlaku di semua negara maju baik di Eropah, di Amerika Utara mahupun di Asia Timur. Ini adalah kerana dengan penggunaan bahasa tempatan atau indigenus sendiri maka segala ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dapat dimengerti, diguna, dan dibudayakan sepenuhnya secara meluas di kalangan rakyat jelatanya yang dengan demikian dapat membangunkan sumber daya tenaga manusia yang cekap, mahir dan berpendidikan secara menyeluruh di dalam negara bangsa itu. Seperti kata Mathew B. Ward seorang pegawai ekspatriat di Taiwan:

“Saya perhati bahawa kejayaan ekonomi abad ke-20 bagi Jerman, Jepun dan Taiwan tidak menggunakan pengantar bahasa Inggeris dalam pengajaran, manakala banyak negara yang berbuat demikian (misalnya Filipina, Nigeria,

India) masih tinggal miskin. Laporan kajian linguistik dan pendidikan banyak menyokong gagasan bahawa kanak-kanak menguasai ilmu pengetahuan lebih cekap dalam bahasa indigenusnya sendiri. Oleh itu saya mencadangkan agar kanak-kanak dibenarkan berbuat demikian [belajar ilmu dalam bahasa indigenusnya], kerana kejayaan ekonomi adalah lebih penting daripada kejayaan bahasa Inggeris.” (*Asiaweek* 20-27 August, 1999: 10) (terjemahan oleh penulis).

Jelaslah dalam negara-negara maju kini yang menjadi pengantar ilmu pengetahuan, pendidikan dan pembudayaan sains dan teknologi kepada rakyat jelatanya ialah bahasa indigenus atau tempatannya sendiri, yang dengan demikian ilmu pengetahuan dan taraf pendidikan tersebar secara meluas di kalangan rakyat jelatanya yang mampu membangunkan golongan kelas menengah sebagai majoriti penduduknya dan menggerakkan kemajuan negara bangsa secara ekuitabel dan merata.


Struktur masyarakat negara maju berbentuk berlian (Rajah 2), iaitu golongan atasan dan golongan rendah yang kecil, manakala golongan menengahnya yang berpendidikan merupakan majoriti rakyat jelata, iaitu yang menjadi tonggak daya tenaga mahir negara dan juga penyuaran hati budinya (*social conscience*) yang lantang dan bertenaga yang mampu memperkasakan masyarakat. Oleh yang demikian golongan kelas menengah menjadi tonggak pembangunan yang ekuitabel mana-mana negara menuju ke arah status negara maju.



Rajah 2. Struktur masyarakat negara maju

Sedangkan struktur penduduk negara yang sedang membangun/mundur berbentuk piramid (Rajah 3), iaitu golongan atas dan menengah yang kecil, manakala golongan bawahan merupakan majoriti, iaitu yang rendah taraf pendidikan, ilmu pengetahuan, kemahiran daya tenaga pekerja dan kelas sosialnya yang dengan itu tidak berupaya menggerakkan pembangunan negara dan

memperkasakan masyarakatnya, bahkan menjadi beban dan risiko yang berat kepada kemajuan, kestabilan dan pembangunan negara.



Rajah 3. Struktur masyarakat negara membangun/mundur

Suasana ini berlaku di mana-mana sahaja di negara membangun atau mundur sama ada di benua Asia, Afrika ataupun Amerika Selatan dan Amerika Latin. Golongan kelas bawahan yang besar menjadi beban kepada negara kerana boleh menimbulkan ketidakstabilan sosial akibat daripada kadar pengangguran yang tinggi, guna tenaga dan produktiviti yang tidak optimum, pendapatan dan gaya hidup yang meleset, ketegangan kelas dan konflik sosial yang berpanjangan, seperti yang berlaku di India, Pakistan, Filipina, Bangladesh dan negara-negara di Afrika dan Amerika Selatan.

Di negara Malaysia kini prasarana pendidikan terutama sekali pasca persekolahan, iaitu peringkat diploma dan ijazah sedang giat dibangunkan. Kini terdapat 20 buah institut pendidikan tinggi awam (IPTA) yang menampung kira-kira 251,720 pelajar, iaitu ijazah dasar 223,968, sarjana 30,300 dan Ph.D. 8,752. Manakala institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) berjumlah 515 pada tahun 2006 dengan enrolmen pelajar berjumlah kira-kira 323,787, iaitu hampir 100,000 pelajar melebihi jumlah pelajar di IPTA. Jumlah keseluruhan pelajar di IPT ialah 547,755 pelajar termasuk juga pelajar asing.

Jenis IPT	Pelajar Ijazah dasar	Pelajar ijazah tinggi	Jumlah pelajar
IPTA=20 buah	233,968	47804	281772
IPTS=515 buah	323, 787	Tiada rekod	323,787

Namun apa yang menjadi isu dan cabaran yang besar dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah bukan dari segi kepesatan pertumbuhannya, tetapi dari segi bahasa pengantar pengajarannya, iaitu penggunaan bahasa Inggeris yang sepenuhnya di IPTS dan penggunaannya yang meningkat-ningkat di IPTA terutama sekali dalam kursus-kursus berasaskan sains dan teknologi. Berdasarkan perangkaan IPTA dan IPTS di atas yang sebahagian besarnya akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar pengajaran, jelaslah bahawa pembudayaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi

iaitu bidang yang kritikal dalam pembentukan pembangunan negara dan tradisi ilmu dan peradaban, akan dilakukan dalam bahasa Inggeris bukan bahasa tempatan atau bahasa indigenus. Ini akan menimbulkan implikasi dan kesan yang besar ke atas kedudukan BM dan sosioekonomi rakyat jelata Malaysia seperti yang dibincangkan di atas.

FAKTOR SOLIDARITI BUDAYA NEGARA BANGSA MALAYSIA YANG KUKUH DEMI PENINGKATAN KEMAJUAN DAN KEPERKASAANNYA

Syarat yang kedua yang disebutkan oleh Paul Kennedy untuk menyediakan wadah dan suasana yang membolehkan sesebuah negara melonjak ke status negara maju dan melestarian kemajuannya ialah solidariti budaya yang kukuh. Satu daripada elemen yang mampu membina solidariti budaya sesebuah negara bangsa ialah struktur demografi yang dibentuk oleh satu kumpulan bangsa, etnik atau keturunan yang dominan. Kalau ditinjau di kalangan negara maju di dunia kini, maka secara umumnya negara demikian mempunyai penduduk yang agak homogen (lihat Hashim Hj Musa 2008: 123-124), antaranya:

Negara	Golongan yang dominan	Peratusan
Amerika Syarikat (US)	golongan kulit putih (Kaukasian)	80%
United Kingdom (UK)	golongan kulit putih	92%
Perancis	golongan kulit putih	92.5%
Jerman	golongan kulit putih	91%
Itali	golongan kulit putih	95%
Sepanyol	golongan kulit putih	89%
Switzerland	golongan kulit putih	90%
Rusia	golongan kulit putih Rusia	80%
Australia	golongan kulit putih	92%
New Zealand	golongan kulit putih	80%
Jepun	bangsa Jepun	99%
Korea Selatan	bangsa Korea	98%
Taiwan	bangsa China	98%
Republik Rakyat China	bangsa China Han	92%
Singapura	bangsa China	77%

(siakhenn.tripod.com/ethnic.html (4.12.12)

Walaupun golongan kulit putih mempunyai pelbagai bangsa atau etnik tetapi secara umumnya mereka mampu menyemai dan memupuk perasaan solidariti dan semangat *esprit de corps* berdasarkan warna kulit yang serupa, iaitu golongan Kaukasian, misalnya di Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan lain-lain. Negara Switzerland walaupun mempunyai empat kumpulan etnik dan empat bahasa kebangsaan yang utama, iaitu Jerman 62.7%, Perancis 20.4%, Itali 6.5% dan Romansh 0.5%, namun sebagai satu dasar bahasa yang dikuatkuasakan, iaitu setiap warga negara mesti menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa, yang menjadikan mereka penutur bilingual serentak, oleh

itu mampu membina solidariti budaya. Tambahan pula keempat-empat kumpulan etnik itu merupakan golongan kulit putih, iaitu Kaukasian, oleh itu masih mampu menempa perasaan dan semangat kekitaan atau *esprit de corps* yang padu melalui warna kulit dan perwatakan Eropah yang hampir sama. Bagi negara-negara maju di Timur, iaitu Jepun, Korea, Taiwan serta Singapura, satu kumpulan bangsa atau etnik yang utama mendominasi, iaitu bangsa Jepun di Jepun, Korea di Korea, China di Taiwan dan Singapura. Ini juga membolehkan negara-negara itu membina solidariti budaya yang kukuh.

Bagaimana dengan suasana demografi atau kependudukan di negara Malaysia? Struktur demografi di Malaysia menunjukkan bahawa negara ini merupakan sebuah negara yang bersifat heterogen, iaitu ketiadaan satu golongan etnik yang dominan (iaitu 70% ke atas) melebihi yang lain, tidak seperti dalam negara-negara maju yang disebutkan di atas. Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2006 ialah 26.6 juta, dengan struktur demografi seperti berikut:

Peratusan penduduk Malaysia dari segi etnik:

Kaum	Peratusan
Bumiputra (Melayu, Iban, Kadazan-Dusun, Bajau, dll.)	65%
Cina	26%
India	8%
Lain-lain	1%

Peratusan penduduk Malaysia dari segi agama:

Agama	Peratusan
Islam	60.4%
Buddha	19.2%
Kristian	9.1%
Hindu	6.3%
Cina tradisional	2.6%
Lain-lain	2.4%

(Wikipedia Free Internet Encyclopedia)

Negara yang bersifat heterogen dengan jumlah penduduk yang bersifat jamak etnik, budaya, bahasa dan agama amat sukar untuk membentuk satu keadaan solidariti budaya yang menjadi satu daripada tiga syarat utama untuk menyediakan wadah pembangunan ke arah negara maju. Bahkan kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agama yang besar demikian mempunyai potensi yang tinggi pula untuk mencetuskan ketegangan dan konflik sosial berasaskan perkauman, agama dan budaya (Hashim Hj Musa 2008: 125).

Di Malaysia kini ketegangan perkauman dan agama mulai muncul kembali, yang selama hampir 40 tahun iaitu sejak rusuhan perkauman 13 Mei, 1969, telah berdiam diri dilindungi oleh pelbagai usaha kerajaan dan juga badan-badan sukarela yang cuba

memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum ataupun sekurang-kurangnya membendung ketegangannya. Namun oleh kerana banyak perkara yang mengukuhkan polarisasi perkauman masih diteruskan misalnya parti politik berasaskan kaum (UMNO, MCA, MIC,), sekolah Kebangsaan (Melayu), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah Cina swasta, dan akhbar Melayu, Cina dan Tamil, yang mengukuh dan meneruskan amalan perbezaan kaum dan budaya, maka jurang perbezaan kaum terus menerus berlaku.

Ini ditambahkan pula kini oleh kemunculan beberapa isu dan perasaan ketidakpuasan yang ditujukan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang didominasi oleh parti Melayu, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Antaranya isu rasuah dan salah guna kuasa dalam kerajaan dan badan kehakiman, inflasi, jenayah, hak istimewa Bumiputera yang dianggap menguntungkan golongan tertentu sahaja dan meminggirkan golongan yang lain, isu penukaran agama, isu ketidaktelusan Suruhanjaya Pilihan Raya dalam mengendalikan pilihanraya, dan lain-lain. Sokongan rakyat kepada kerajaan terutama sekali di kalangan kaum India dan Cina merosot secara mendadak, dan juga kemerosotan sokongan di kalangan orang Melayu sendiri. Ini dimanifestasikan dengan drastiknya dalam pilihan raya Mac 2008 dengan BN kehilangan dua pertiga majoriti di Parlimen dan kalah di dalam lima buah Dewan Undangan Negeri iaitu Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor.

Pada tahun 2008 isu yang genting ialah timbulnya sensitiviti perkauman dan agama yang dicetuskan oleh dua insiden yang berlaku di Pulau Pinang dan Selangor yang membawa kepada penangkapan empat orang di bawah ISA. Semua kejadian dan insiden demikian akan menjejaskan dengan seriusnya perpaduan rakyat dan tentu sekali menjadi penghalang pula kepada pembentukan solidariti budaya Malaysia yang akan menjadi pemangkin kepada pembinaan sebuah negara maju seperti yang disebutkan oleh Paul Kennedy itu.

Oleh itu soalan yang paling kritikal kini ialah apakah usaha yang boleh dilakukan untuk membina satu asas yang kukuh bagi membentuk solidariti budaya yang kuat demi menjadi pemangkin kepada pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam abad ke-21 ini? Untuk menjawab soalan ini mesti dicari apakah unsur-unsur yang dikongsi bersama dan menjadi milik sepunya bagi rakyat jelata Malaysia yang boleh dijadikan asas atau teras pembinaan solidariti dan integrasi nasional?

Dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VI 2010 di UPM, telah dicadangkan tiga strategi untuk memupuk dan membina solidariti dan integrasi nasional yang kukuh di kalangan rakyat jelata Malaysia yang mempunyai jamak budaya, keturunan kaum dan agama, iaitu:

1. pemerksaan BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa penyatuan dan bahasa pengantar pendidikan yang sama yang dapat membudayakan ilmu, sains, teknologi ke seluruh rakyat jelata dalam acuan dan citra Malaysia sendiri,
2. menyemai keinsafan yang mendalam terhadap sejarah pembinaan negara bangsa yang sama yang akan menjadi ikatan, dan
3. memupuk semangat patriotisme iaitu perasaan cinta dan kemegahan terhadap negara Malaysia sebagai tanah air tempat tumpah darah kita bersama.

(Hashim Musa & Rozita Che Rodi 2010: 14)

PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN, BAHASA PENYATUAN, BAHASA RASMI DAN BAHASA PENGANTAR PENDIDIKAN YANG SAMA DALAM PEMUPUKAN INTEGRASI NASIONAL

Fungsi bahasa bukan setakat menjadi alat dan wadah komunikasi, tetapi bahasa juga amat besar perannya dalam membentuk jati diri, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*), integrasi dan maruah masyarakat penuturnya. Bahasa juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa penuturnya dan ketinggian adab susilanya, iaitu merupakan asas dan unsur yang utama dalam pembentukan sesebuah peradaban. Bahasa juga menjadi alat pencatat, perakam, penimbun, penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu masyarakat dan bangsa yang diperturunkan dari generasi ke generasi.

Suasana dan keadaan alam pemikiran dan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat sangat rapat kaitannya dengan keadaan bahasanya. Oleh yang demikian penggunaan bahasa Melayu, iaitu bahasa tempatan dan kebangsaan Malaysia sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran bagi negara Malaysia dapat mengolah, membentuk dan mewarnakan seluruh pencapaian, kemajuan dan ketinggian peradaban kita dalam acuan dan citra budaya tempatan kita sendiri, yang mustahil dicapai melalui penggunaan bahasa Inggeris.

Juga pembudayaan ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa sendiri dapat dengan mudah difahami oleh seluruh rakyat jelata dan dengan itu dapat meningkatkan sumber daya tenaga dan modal insan yang meluas di kalangan seluruh rakyat jelatanya, bukan terhad kepada golongan elit jika pengantar pendidikan dalam bahasa asing. Ini akan membina kekuatan dalaman dan keyakinan diri yang mampu memupuk pula jati diri, maruah dan rasa kebanggaan kepada elemen budaya dan masyarakat kita sendiri. Inilah bibit-bibit yang akan dapat membina semangat kekitaan atau *esprit de corps* dan patriotisme di kalangan rakyat jelata yang kukuh yang boleh menuju ke arah pembentukan keutuhan dan integrasi masyarakat dan budayanya seperti yang berlaku di kalangan negara maju di seluruh dunia.

Suasana dan iklim demikian wujud hampir di semua negara maju baik di barat mahupun di timur. Apakah asas utama yang mencorak dan mewarnai suasana dan iklim yang demikian? Tidak lain dan tidak bukan ialah bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa tempatan mereka sendiri. Inilah peranan yang mesti dan boleh dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan, bahasa ilmu, sains, teknologi dan bahasa penyatuan rakyat, demi pemupukan integrasi masyarakat dan Negara bangsa.

Ringkasnya, bahasa mewarnai seluruh kegiatan dalam kehidupan sesebuah masyarakat dan bangsa penggunaannya. Oleh yang demikian bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan boleh memainkan peranan yang kukuh dalam kelima-lima matra kegiatan hidup yang disebut oleh Christine Drake (1989:1) *National Integration in Indonesia: Patterns and Policies*, sebagai aspek-aspek pemupukan dan pembinaan integrasi nasional negara bangsa Malaysia dan negara-negara di Alam Melayu yang lain, iaitu:

1. matra sejarah, iaitu kemunculan semangat kebangsaan dan pengalaman sejarah bangsa yang sepunya yang bertindak sebagai kuasa penyatu yang kuat,
2. matra politik yang merujuk kepada kaedah politik, kepimpinan dan pemerintahan yang berakauntabiliti, agihan kuasa antara wilayah dan kumpulan etnik yang adil dan penglibatan meluas di kalangan orang awam dalam organisasi politik demi kemunculan "*social conscience*" yang lantang,
3. matra sosio-budaya, iaitu kesetiaan nasional mengatasi kesetiaan wilayah dan etnik, iaitu

adanya citra nasional dan perhubungan yang harmonis antara kumpulan etnik dan wilayah yang berbeza-beza,

4. matra komunikasi, iaitu perhubungan antara wilayah-wilayah dari segi jalan raya, kereta api, perkapalan, telekomunikasi dan sebagainya, dan mobiliti penduduk dan munculnya kepelbagaian rakyat dalam satu tempat yang dapat memupuk integrasi, dan
5. matra ekonomi, iaitu adanya saling melengkapi dan sokong-menyokong dalam faktor-faktor pengeluaran dan distribusi, dan juga sokong-menyokong antara wilayah dalam negara itu dari segi aktiviti ekonomi.

STRATEGI MEMPERKASA BM SEBAGAI BAHASA YANG BERWIBAWA DI MALAYSIA DAN DI PERSADA ANTARABANGSA

Walaupun BM telah pun mencapai tujuh ciri bahasa utama dunia, hanya tiga ciri lagi belum dicapai, tetapi akibat asakan yang berterusan daripada BI ke atas kedudukan dan kewibawaannya sebagai bahasa pengantar pendidikan dan ilmu tinggi, maka perancangan dan usaha yang gigih perlu dilakukan segera untuk membendung gelora dan gelombang neo-imperialisme tamadun Barat berbahasa Inggeris yang begitu kuat kini.

James Collins (1999: 70) telah mengemukakan dua langkah untuk memenuhi tuntutan ini, iaitu:

1. penggalakan penggunaan BM pada tahap antarabangsa, iaitu menggiatkan pembelajaran BM terutamanya di negara-negara ASEAN dan juga seantero dunia melalui penyediaan secara meluas bahan-bahan bercetak dan elektronik berbantu TMK (ICT), penawaran biasiswa kepada orang asing untuk mempelajari BM, dan juga penubuhan satu badan misalnya Institut Tun Sri Lanang yang bergiat mempromosi pembelajaran BM pada peringkat antarabangsa, iaitu ala-British Council (BI), Alliance Francais (bahasa Perancis), Goethe Institute (bahasa Jerman) dan Erasmushuis (bahasa Belanda),
2. penelitian BM secara antarabangsa, iaitu walaupun kerajaan Malaysia telah pun membiayai Projek Mendokumentasi Sejarah BM, Projek Ensiklopedia Kebudayaan Melayu (termutakhir Ensiklopedia BM) dan Pusat Penterjemahan, begitu juga kerajaan Indonesia dan Brunei telah membiayai pelbagai projek sastera dan BM, namun belum lagi diperbanyak penyediaan bahan sumber asasi, misalnya:

- (a) Arkib Pangkalan Data Komputer bagi BM Tulisan Sedunia yang memuatkan semua tulisan BM (manuskrip dan bahan bercetak) (Australia National University telah membina Malay Concordance Project yang mengandungi 5.8 juta perkataan berasaskan 165 teks BM klasik, projek Data Korpus UKM-DBP telah memuatkan 5 juta perkataan berasaskan 100 bahan bercetak, manakala pembinaan Pangkalan Data Korpus BM DBP memuatkan 100 juta perkataan berasaskan sumber akhbar, buku, majalah, teks tradisonal, terjemahan dll).
- (b) Arkib Pangkalan Data Komputer BM Lisan Sedunia (rakaman audio dan video bagi sastera lisan, pidato, khutbah, siaran radio dan televisyen pelbagai dialek daerah dan dialek sosial Melayu).
- (c) Kamus Melayu Sedunia yang memuatkan perkataan daripada semua ragam dan variasi BM.
- (d) Kamus Etimologi Melayu yang memuatkan huraian asal usul perkataan dalam BM.

Berikut ini diperturunkan pula langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencapai matlamat itu, yang mengandungi empat strategi, iaitu:

1. mengatasi masalah sikap negatif dan ketiadaan yakin diri di kalangan para elit dan rakyat Malaysia terhadap keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi,
2. membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sehingga ke perbatasan terkedepan dalam penerokaan ilmunya,
3. mengantarabangsakan Bahasa Melayu di persada dunia, dan
4. mempercepat penguasaan bahasa utama dunia untuk tujuan khusus. Berikut ini diperturunkan perbincangan tentang empat strategi itu.

Mengatasi Masalah Sikap Negatif terhadap Keupayaan dan Kewibawaan Bahasa Malaysia sebagai Pengantar Sains, Teknologi dan Pendidikan Tinggi

Strategi ini boleh dilaksanakan melalui dua langkah berikut:

1. mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa oleh kerajaan dan juga badan-badan swadaya supaya semua pihak terutamanya mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh dan juga rakyat jelata dapat menyedari

betapa pentingnya menjamin dan memastikan kedudukan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita dan sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dikekalkan dan ditingkatkan, dan mengembalikan pengajaran sains dan matematik dalam BM, demi perpaduan negara, bangsa dan rakyat jelata, demi jati diri dan pemerkaasaan masyarakatnya dan demi wibawa antarabangsanya,

2. melibatkan secara aktif dan produktif di kalangan perancang ekonomi negara, ahli perniagaan dan industri yang utama, ahli sains terkemuka, para ketua IPT yang terkemuka, dan sebagainya dalam pengurusan, perancangan dan pelaksanaan Bahasa Melayu. Ini memerlukan wibawa kepimpinan politik negara yang komited (*political will*).

Membina Budaya Ilmu, Sains dan Teknologi dalam Bahasa Melayu sehingga ke Perbatasan Terkedepan dalam Penerokaan Ilmunya

Strategi ini boleh mengandungi tiga langkah yang berikut:

1. peruntukan kewangan dana yang semaksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak sektor swasta sebagai usaha memenuhi tanggungjawab sosial, hendaklah diwujudkan untuk menggalakkan pengkaryaan dalam segala bidang ilmu termasuk sains dan teknologi dalam bahasa Melayu, sama ada karya asli mahupun terjemahan; dan segala peruntukan kewangan itu hendaklah dianggap sebagai pelaburan untuk membangunkan bidang ilmu dan sumber manusia jangka panjang, bukan sebagai pelaburan komersial jangka pendek yang dikira berapa untung dan ruginya,
2. menyediakan skim penggalakan dan insentif yang menarik kepada para ilmuwan dan ahli sains untuk menulis dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu buku dan artikel ilmiah dan profesional dalam bidang pengkhususan masing-masing, dan
3. menubuhkan sebuah Majlis Buku Ilmiah Bahasa Melayu Antarabangsa (*International Malay Academic Books Council*) yang bertanggungjawab terus kepada Menteri Pendidikan Tinggi dengan tugas-tugas antaranya seperti berikut:
 - (i) merancang dan melaksanakan penghasilan, penulisan, penterjemahan, penyebaran, penggalakan, penggunaan dan penilaian

buku-buku dan bahan-bahan rujukan dalam pelbagai media dalam semua bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan peringkat tinggi. Majlis ini harus ada pakar-pakar dan ahli bahasa serta penterjemah yang bertugas khusus untuk meneliti dan menilai penerbitan-penerbitan penting daripada seluruh dunia dalam bidang masing-masing, dan seterusnya merancang dan menyelaraskan penterjemahan, penulisan, percetakan dan penyebaran serta penggunaannya di kalangan komuniti para sarjana dan profesional di dalam dan di luar negara,

- (ii) menubuhkan perhubungan, jaringan dan kerjasama akademik dengan institusi-institusi, pusat-pusat penyelidikan, penerbitan buku dan jurnal dan perpustakaan yang terkemuka di seluruh dunia untuk mengemaskinikan pengetahuan dalam semua bidang sains dan teknologi ke tahap “*state of the art*”, dan seterusnya untuk meneroka ke tahap terkedepan perbatasan ilmu pengetahuan. Perjanjian persefahaman dan kontrak boleh dibuat dengan penerbit-penerbit jurnal dan buku terkemuka supaya proses penterjemahan yang serentak dengan penerbitannya dapat dilakukan,
- (iii) menubuhkan kerjasama yang erat dengan Indonesia, Brunei dan Singapura berdasarkan keperluan dan tanggungjawab bersama untuk memajukan bahasa Melayu iaitu Bahasa Kebangsaan bagi keempat-empat negara yang mempunyai jumlah penutur lebih daripada 250 juta manusia, supaya meningkatkan penerbitan, penyebaran dan penggunaan bahan-bahan rujukan pelbagai media dalam semua bidang ilmu sains dan teknologi di keempat-empat buah negara, dan menggalakkan pengaliran bahan-bahan itu sebeb-bebasnya antara negara-negara itu, dan
- (iv) menubuhkan hubungan dan kerjasama yang erat dalam bentuk penyelidikan, penerbitan, pengalaman, penyebaran dan promosi tentang semua perkara yang berkaitan dengan bahasa, sastera, budaya, sains, teknologi, perindustrian, perdagangan, perhubungan antarabangsa dan diplomasi dengan negara-negara dan institusi seluruh dunia yang mempunyai tradisi pengajian Melayu dan komuniti Melayu, misalnya Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Kampuchea, Sri Lanka, Afrika Selatan,

Australia, Belanda, England, Surinam, Jepun, Korea, China, dan lain-lain, dengan tujuan untuk memperteguh dan menyebarkan bahasa Melayu, kebudayaan Melayu dan segala bentuk khazanah ilmu dan persuratan Melayu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Mengantarabangsakan BM di Persada Dunia

Strategi mengantarabangsakan BM boleh mengandungi dua langkah:

1. mempromosi secara gigih, agresif dan meyakinkan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama ASEAN mengambil alih bahasa Inggeris memandangkan bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur terbesar dalam ASEAN. Pengajaran dan pembelajaran BM di negara-negara ASEAN dipromosikan secara gigih, dengan menyediakan bahan-bahan pengajaran yang lengkap dan cekap (bahan bercetak dan bahan dalam bentuk elektronik dan perisian komputer yang terkini), dan
2. mempromosikan BM sebagai satu bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang digunakan dalam sidang-sidangnya atas dasar bahasa Melayu ialah bahasa kelima terbesar di dunia dari segi jumlah penuturnya. Untuk memenuhi matlamat ini, pengajaran dan pembelajaran BM di negara-negara ASEAN dan negara utama dunia harus dipertingkatkan melalui perancangan yang terperinci, pembinaan Institut BM Antarabangsa, pemberian biasiswa kepada pelajar asing dalam BM, peruntukan dana yang mencukupi untuk menyokong pusat pengajaran dan pembelajaran BM di negara-negara utama dunia.

Penubuhan Beberapa Buah Akademi Pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Moden

Penubuhan beberapa buah Akademi Bahasa Inggeris dan Bahasa Moden yang dilengkapi dengan segala kepakaran dan peralatan canggih dengan staf yang profesional untuk melatih anak bangsa Malaysia secara intensif dalam penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden ke taraf yang paling tinggi untuk kumpulan tertentu bagi melaksanakan tugas-tugas khusus, misalnya penimbaan ilmu dan pemindahan teknologi tinggi, perdagangan antarabangsa, diplomasi dan hubungan antarabangsa,

persidangan dan bengkel antarabangsa dan sebagainya.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, berdasarkan perbincangan di atas dan juga banyak hasil kajian, pendapat ahli akademik, para ilmuwan dan peramal masa depan, maka dengan tegasnya dinyatakan bahawa sampaikan ilmu pengetahuan dalam bahasa indigenus/tempatan penduduknya, iaitu dalam BM untuk negara Malaysia, Indonesia dan Brunei, demi kecekapan pembelajarannya, pembinaan daya sumber manusia rakyat jelata, pemupukan jati diri, integrasi dan perpaduan negara bangsa dan pemeraksanaan rakyat jelatanya. Pada masa yang sama adakan program pengajaran bahasa utama dunia (Inggeris, Jerman, Perancis, China, Jepun, Arab) yang cekap demi pemerolehan dan penimbaan ilmu pengetahuan, teknologi, perdagangan dan diplomasi antarabangsa. Demi menjadikan BM sebagai satu daripada bahasa utama dunia, maka tiga strategi yang digariskan perlu diambil.

Sememangnya setiap negara dan bangsa mesti berusaha untuk meningkatkan daya juang, daya saing, daya tahan, daya kreatif dan kecemerlangan bangsa dan rakyat jelatanya dalam persada antarabangsa supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara utama di dunia. Untuk mencapai matlamat ini seluruh sumber daya tenaga manusia rakyat jelata harus digerakkan (bukan hanya segelintir golongan elit) melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam bahasa rakyat jelata sendiri bukannya satu bahasa asing. Inilah yang berlaku di negara-negara maju di Barat termasuk negara-negara Eropah dan juga di Jepun, Korea dan Taiwan. Langkah dan strategi demikian amat perlu untuk memperkasakan masyarakat dan rakyat jelatanya secara menyeluruh dan saksama.

Gagasan yang menganjurkan supaya pendidikan tinggi, sains dan teknologi disampaikan dalam bahasa Inggeris didorong oleh sama ada fahaman pragmatik yang keterlaluan yang hanya mementingkan faedah segera bagi golongan elit dalam jangka masa pendek tanpa memikirkan keretakan, perpecahan dan kemunduran rakyat jelata yang boleh berlaku dalam jangka masa panjang, ataupun didorong oleh minda kerdil (*small minds*) yang tidak ada keyakinan diri kepada ciri-ciri budaya kita sendiri dalam pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa dan peradaban negara dalam acuan kita sendiri.

Bahawasanya bahasa indigenus/tempatan sendirilah yang merupakan penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badai negatif globalisasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai tradisi yang murni, dan juga merupakan unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan, keakraban, kemesraan dan kasih sayang sesama penuturnya demi perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara bangsa dan pemeraksanaan masyarakatnya. Dan bahawasanya bahasa indigenus/tempatan merupakan satu elemen utama yang mengungkap dan menunjangi pembangunan dan kemajuan sesuatu masyarakat dan negara bangsa dalam acuannya sendiri yang akan menjamin kestabilan, ketekalan, keperkasaan dan kelangsungannya.

NOTA

- Walaupun Cheney-Wolfowitz-Rumsfeld kini sudah terkeluar daripada golongan pemerintah Amerika Syarikat (AS), namun ideologi mereka masih membara di kalangan birokratnya kerana kata William Wohlforth "*The U.S. is simply too powerful for the other nations to catch up, and that U.S. has enormous supremacy in all aspects of military power and almost all aspects of economic power as well, not to mention its normative and cultural powers*". Serangan ke atas Libya dan lain-lain negara yang dianggap berkuku besi yang mencabul hak demokrasi ala Amerika bagi rakyatnya, dan serangan dan pembunuhan Usamah bin Laden di Pakistan secara pre-emptive kerana mengancam keselamatan A.S., membuktikan ideologi ini. Namun kini tegas Wohlforth istilah "American Imperialism" mula digantikan dengan "American benign hegemony", iaitu keunggulan kuasa AS yang memanfaatkan dunia. Lihat Wohlforth (1999: 1-41).

RUJUKAN

- Asiaweek*. 1999. 20-27 August: 10.
- Collins, J. 1996. *Malay, World Language of the Ages: A Sketch of Its History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. 1999. *Wibawa Bahasa: Kependidikan dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- de Meija, Anne-Marie. 2002. *Power, Prestige, and Bilingualism: International Perspectives on Elite Bilingual Education*. ISBN 185359590X (en.wikipedia.org/wiki/World_languages).
- Drake, C. 1989. *National Integration in Indonesia: Patterns and Policies*.
- Hashim Hj Musa. 2006. *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj Musa. 2008. *Pemeraksanaan Bahasa Melayu di arena antarabangsa demi kemajuan negara bangsa Malaysia di*

- persada dunia. Dlm. *Prosiding Persidangan Bahasa Melayu dalam Perspektif Antarabangsa Tahun 2008*. Anjuran IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Luar Negeri & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj Musa. 2009. Early Jawi materials and the creation of a network of Malay Islamic centres. *The Journal Sophia Asian Studies* No. 27. Institute of Asian Cultures, Sophia University, Tokyo.
- Hashim Hj Musa & Rozita Che Rodi. 2010. Pemupukan perpaduan dan semangat cintakan negara Malaysia di kalangan rakyat jelata. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VI*. Anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi & Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.
- Huntington, S. 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon and Schuster.
- Kennedy, P. 1993. *Preparing for the Twenty-First Century*. New York: Vintage Books.
- Marsden, W. 1812. *A Grammar of the Malayan Language*. London: Crosby Lockwood & Son.
- Phillipson, R. 2007. Linguistic imperialism: A conspiracy, or a conspiracy of silence? *Language Policy* 6: 377–383. DOI 10.1007/s10993-007-9058-3.
- Phillipson, R. 1992. *Linguistic Imperialism*. Oxford: Oxford University Press.
- Siakhenn.tripod.com/ethnic.html (4.12.12).
- Utusan Malaysia*. 2007. Rabu 7 November, hlm. 27.
- Wikipedia Free Internet Encyclopedia
- Wohlforth, W. 1999. The stability of the unipolar world. In *International Security*, Summer, pp. 1-41.

Hashim Musa, Ph.D.
Profesor Emeritus
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: hashim10m@hotmail.com

Rozita Che Rodi, Ph.D.
Pembantu Pengajar
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: ita_cherodi@upm.edu.my

Salmah Jan Noor Muhammad, Ph.D.
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: salmahjan@upm.edu.my

